

TARIKH: 6/9/23
SURAT KHABAR: Kosmo
MUKA SURAT: 15

KSM, ILP mantapkan kemahiran pelatih

Program automotif ditukar kepada EV

Oleh ZULKIFLI MANZOR

KUALA LUMPUR — Beberapa agensi bawah Kementerian Sumber Manusia (KSM) termasuk penyedia latihan seperti Institut Latihan Perindustrian (ILP) telah menukar program automotif se-ada ada kepada program melibatkan kenderaan elektrik (EV).

Menteri Sumber Manusia, V. Sivakumar berkata, program automotif melibatkan penggunaan enjin pembakaran dalaman sama ada yang berasaskan petrol atau diesel kini ditukar kepada EV.

"Latihan automotif sekarang (perlu) menjadi latihan kepada EV dan ini bukan sahaja menjadi suatu cabaran kepada KSM, ke-menterian lain juga melakukan perkara yang sama.

"Seseorang walaupun ada kemahiran tertentu, tidak boleh kata sudah cukup sebab teknologi dan industri sentiasa berubah. Upskilling (peningkatan kemahiran) tidak boleh dielakkan,"

katanya pada sidang akhbar sempena majlis Pelancaran Indeks Latihan Kebangsaan (NTI) anjuran Human Resource Development Corporation (HRD Corp) di sini semalam.

Kosmo! baru-baru ini melapor-kan dalam tempoh 10 tahun lagi menjelang 2033, EV diramalkan mula membanjiri jalan raya di ne-gara ini apabila harganya menjadi lebih murah dan mampu milik berbanding sekarang.

Situasi itu akan membuatkan lebih ramai rakyat Malaysia membeli EV sehingga ia bakal menguasai kira-kira 25 peratus pasaran kenderaan di negara ini.

Jika keadaan itu berterusan, Malaysia dijangka menggunakan EV sepenuhnya dalam tempoh 30 tahun akan datang kerana ia lebih praktikal, kos penyeleng-garaan murah, mesra alam dan banyak tempat pengecasan disediakan.

Keadaan itu bagaimanapun menimbulkan keimbangan

golongan mekanik jika kemahiran mereka tidak lagi diperlukan, tetapi dalam masa sama menyatakan kesediaan mempelajari tentang penyelenggaraan EV.

Terdahulu, Sivakumar berkata, Malaysia diramalkan akan bertukar sepenuhnya kepada penggunaan EV sesuatu yang memang akan berlaku, malah ia adalah trend di seluruh dunia.

"Ini yang kita sebutkan perlu bersedia. Kita perlu memastikan bahawa mereka (mekanik) yang sudah terlatih dalam industri ini melakukan upskilling kepada yang baru dan yang terkini dalam industri tersebut."

"Memang perubahan ini sesuatu yang tidak boleh dielak. Salah satu objektif NTI ini juga adalah memastikan pembelajaran sepanjang hayat," katanya.

Tambahnya, NTI adalah sesua-tu yang diperlukan Malaysia se-jak sekian lama bagi mengukur tahap latihan yang dijalankan ke-pada tenaga kerja.



SIVAKUMAR (tiga dari kiri) pada majlis Pelancaran NTI anjuran HRD Corp di Kuala Lumpur semalam.

Kosmo
6/9/23
ms/15